

15 DEC 1998

Mahathir-Asean

KEKALKAN PERPADUAN UNTUK ATASI KRISIS, KATA DR MAHATHIR

Oleh: E Sivabalan

HANOI, 15 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyeru Asean supaya mematuhi prinsip-prinsip asas dalam mengendalikan hubungan antara negara-negara anggota dengan menekankan yang pemulihan ekonomi Asean hanya boleh dipercepatkan dalam persekitaran serantau dan antarabangsa yang lebih baik.

Perdana Menteri berkata, walaupun krisis ekonomi serantau telah memberi tekanan kepada hubungan antara negara-negara anggota Asean dan perkumpulan itu sendiri, Asean masih berdaya untuk keluar daripada krisis itu.

Semasa menyampaikan kenyataan pembukaan beliau di sidang kemuncak Asean Keenam di sini, Dr Mahathir berkata Malaysia percaya hubungan positif antara negara-negara perlu sentiasa dipelihara.

Beliau menyeru negara-negara anggota Asean supaya berpegang kepada pendekatan Asean, kaedah kerja dan prinsip berhubung mengendalikan hubungan antara negara-negara anggota seperti yang terkandung dalam pelbagai deklarasi, perjanjian dan pernyataan perkumpulan itu untuk sekian lama.

"Kita perlu berpegang kepadanya," kata Dr Mahathir.

Menurut beliau lagi, kerjasama Asean selama 30 tahun telah memberi Asia Tenggara kestabilan dan perpaduan yang menyumbangkan kepada pertumbuhan ekonomi di luar jangkaan dan taraf hidup yang terus meningkat.

"Malangnya, krisis ekonomi menguji ketahanan negara-negara anggota Asean. Penyatuan kita, dan hubungan antara anggota-anggota sedikit sebanyak terjejas," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata, respon Asean kepada cabaran yang dihadapi oleh rantau menunjukkan seolah-olah "Asean berbelah bahagi, anggotanya bertelingkah sesama sendiri."

Dasar tidak campur tangan Asean ataupun "penglibatan membina" telah dipersoalkan oleh beberapa negara anggota dengan baru-baru ini Thailand bergerak ke arah "penglibatan fleksibel" yang menggalakkan rundingan mengenai isu-isu politik yang menjadi kepentingan bersama.

Tetapi yang lain khususnya Indonesia, Malaysia dan Singapura telah menentang idea itu kerana khuatir ia akan menjejaskan hubungan antara anggota-anggota dalam perkumpulan serantau itu yang kini berusia 31 tahun.

Dr Mahathir berkata, sidang kemuncak Hanoi akan membantu mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi hubungan positif antara Asean dan pertumbuhan serantau.

"Oleh itu saya gembira yang deklarasi Hanoi yang kita akan tandatangani kemudian dan Pelan Tindakan Hanoi yang kita akan terima telah menekankan banyak daripada prinsip dan janji kita selama ini," katanya.

Dr Mahathir yang berucap panjang lebar mengenai krisis ekonomi yang melanda rantau berkata, Malaysia menyokong sepenuhnya sebarang inisiatif yang bertujuan memperkukuhkan kerjasama ekonomi serantau dan asas-asas ekonomi negara-negara Asean.

"Kita akan bekerjasama dengan rakan-rakan Asean kita untuk memperkukuhkan dan melindungi rantau daripada gangguan luar sejauh mana yang mungkin," katanya.

Perdana Menteri berkata, Kuala Lumpur terus menyokong integrasi ekonomi yang lebih lagi dan mempercepatkan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta).

-- BERNAMA

ES PR